

**PRK Balingian: BN Sarawak Tidak Gentar Dengan Anwar Ibrahim - Adenan Satem
Bernama
25 Mac, 2014**

MUKAH, 25 Mac (Bernama) -- Kerajaan Sarawak membenarkan penasihat Parti Keadilan Rakyat (PKR) Datuk Seri Anwar Ibrahim memasuki negeri ini untuk berkempen bagi calon parti pembangkang itu Abdul Jalil Bujang dalam pilihan raya kecil Balingian Sabtu ini.

Ketua Menteri Tan Sri Adenan Satem berkata ini kerana "kami tidak gentar dengannya."

"Kami benarkan beliau masuk, bukan kerana kami gentar dengannya," kata beliau sambil menegaskan bahawa 13,366 pengundi berdaftar di kawasan itu, yang terdiri daripada suku kaum Melanau, Iban, Cina dan lain-lain, tahu siapa Anwar sebenarnya.

Beliau berkata demikian pada majlis bersama rakyat di Rh. Kumbong di Ulu Bedangan di sini Selasa.

Anwar dijadualkan melawat sebuah rumah panjang Iban di sini hari ini sebelum berucap pada majlis ceramah di bandar ini malam ini.

Jumaat lepas, Adenan mengeluarkan kenyataan bahawa Sarawak akan menghalang orang luar" yang taksud dengan agama, bersifat perkauman dan pembuat kacau lain" daripada memasuki negeri ini bagi memelihara keharmonian dan perpaduan penduduknya yang terdiri daripada pelbagai kaum.

BN meletakkan Yussibnosh Balo sebagai calonnya dalam pilihan raya kecil berkenaan.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1024809>